

**Utusan Malaysia**  
**13 April 2015**



**DEAN CONNOR** (tengah) bersama **Kevin Strain** (kiri) dan **Ooi Say Teng** dalam satu temu ramah di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/RUSHDI SALLEH

## Sun Life Financial lepasi sasaran

**KUALA LUMPUR 12 April** - Syarikat insurans terkemuka Sun Life Financial mencatatkan pendapatan bersih operasi bernilai 1.92 bilion dollar Kanada (RM5.59 bilion) pada tahun 2014, dan berjaya melepassi sasaran yang ditetapkan bagi 2015 iaitu 1.85 bilion dolar Kanada (RM5.44 bilion), setahun lebih awal dari jangkaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Financial, Dean Connor berkata, kumpulan berjaya melepassi sasaran lebih awal daripada jangkaan hasil strategi pertumbuhan yang memberi fokus kepada pulangan ke atas ekuiti juga penjanaan modal yang kukuh melalui kedudukan utama dalam pasaran yang menarik di seluruh dunia.

Katanya, selain itu, Sun Life Malaysia turut mengalami pertumbuhan pantas yang amat memberangsangkan walaupun baharu berada di pasaran kira-kira dua tahun.

Sejak memasuki pasaran Malaysia, Sun Life Malaysia Berjaya men-

duduki tangga teratas bagi Kredit Kumpulan dalam bankasurans dan bankatakal dan permasaran dalam talian, tempat kedua dalam penguasaan pasaran bankatakal, dan berjaya mencatat premium bertulis kasar sebanyak RM880 juta - dua kali ganda dalam tempoh dua tahun dan menjadikan pembangunan jualan syarikat lapan kali lebih tinggi dari purata industri.

"Kami berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan Sun Life Malaysia walaupun baharu berada di pasaran, namun berjaya berkembang lebih daripada jangkaan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Presiden Sun Life Financial Asia, Kevin Strain dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Ooi Say Teng.

Tambah Connor, secara keseluruhan pasaran Asia menyumbang kira-kira 8 peratus kepada perolehan Kumpulan pada tahun lalu.